

**Khidmat JPJ memuaskan**

**SOALAN :**

**BERITA HARIAN**

**03/03/2010**

PADA pertengahan Februari lalu, saya berurusan dengan Bahagian Pendakwaan di Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) Ipoh, Perak kerana urusan senarai hitam kenderaan, WBS 8441.

Urusan saya diselesaikan segera. Saya dapat menjimatkan wang dan masa.

Tidak sampai sehari kes saya dapat diselesaikan kakitangan JPJ berkenaan. Tahniah kepada pegawai Bahagian Pendakwaan JPJ Ipoh kerana anda bertindak cemerlang selari dengan slogan kerajaan 'Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan'.

Pegawai seperti ini patut diberikan anugerah oleh jabatan.

**NIK LAH NIK MUD,  
Pasir Mas,  
Kelantan.**

**MAKLUMBALAS :**

**BERITA HARIAN**

**13/03/2010**

***Pujian dorong tingkat khidmat***

***Kami merujuk surat "Khidmat JPJ memuaskan" tulisan Nik Lah Nik Mud dari Pasir Mas, Kelantan yang disiarkan pada 3 Mac lalu.***

***Jabatan mengucapkan terima kasih atas kenyataan yang diberikan itu. Semoga ia memberi dorongan kepada kakitangan untuk terus member perkhidmatan berkualiti dan berintegriti sejajar slogan berkualiti iaitu "Khidmat berkualiti Amalan Kami".***

**RIDZUAN RAYMAN**

***Pegawai Perhubungan Awam JPJ, Perak.***